



Usahasama Islamik Mudarabah – Wakalah dalam Membasmi Kemiskinan Tegar dalam kalangan Peserta Projek Freshwater Lobster Production- Green Aquaponics Perennial System (Flp-Gaps) di Negeri Sabah

ROZITA@UJI MOHAMMED^{1, a}, CYRIL SUPAIN @ CHRISTOPHER^{2, b}, HENDRY JOSEPH^{3, c}, dan SURAIL ABD KAHAR @ ETING^{4, d}

^{1&2} Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, Universiti Teknologi MARA, Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia

³ Fakulti Perlادangan dan Agroteknologi, Universiti Teknologi MARA, Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia ⁴ Fakulti Perakaunan, Universiti Teknologi MARA, Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia

^arozlim97@uitm.edu.my, ^bcyril489@uitm.edu.my, ^chendry@uitm.edu.my, dan ^dsurailab@uitm.edu.my

Abstrak


Kesenjangan pendapatan rakyat khususnya di negeri Sabah yakni antara tiga negeri termiskin di Malaysia untuk mencapai pendapatan rakyatnya di atas paras kemiskinan tegar pada tahun 2023 sebagaimana saranan YAB Perdana Menteri Malaysia ke-10, Datuk Seri Anwar Ibrahim dilihat mampu dilaksana melalui projek yang berpaksikan konsep Usahasama Islamik *Mudharabah-Wakalah* (UIMW) yang dipraktikkan dalam kalangan komuniti luar bandar dan terpinggir secara berkelompok. Justeru, inisiatif di bawah geran komuniti TERAJU iaitu Dana Pembangunan Usahawan Bumiputera (DPUB) Sabah di bawah Projek Freshwater Lobster Production-Green Aquaponics Perennial System (FLP-GAPS) telah mempraktikkan konsep usahasama secara Islamik berkaitan bagi mengeluarkan 30 peserta projek daripada kepompong kemiskinan tegar dengan jumlah sasaran pendapatan sebulan melebihi paras RM1,198. Kertas pembentangan ini membincangkan pelaksanaan konsep UIMW di enam *workstation* (WS) tapak hatcheri Lobster Air Tawar (LAT) dalam kalangan 30 peserta B40 yang bertempat di Pusat Hatcheri Kg. Bantayan, Tamparuli (W1), Kg. Ratau, Menggatal (W2), Kg. Kayu Madang, Telipok (W3), Kg. Duvanson, Putatan (W4), Kg. Muhibbah, Petagas (W5) dan Kg. Shabandar, Tuaran (W6). *Supply Chain* diwujudkan di enam kawasan berkaitan bagi memastikan bekalan LAT adalah mencukupi untuk tujuan latihan, R&D dan pengkomersialan sebagai aktiviti utama projek. *Key Performance Indicator* (KPI) Projek FLP-GAPS ini bukan sahaja untuk mencapai aspirasi negara dalam pembasmian kemiskinan rakyat tetapi juga mencapai status negara keusahawanan melalui Dasar Keusahawanan Nasional (DKN2030) untuk melahirkan para usahawan di sektor prima yang mengkhusus kepada bidang ternakan akuakultur dan tanaman hidroponik – Akuaponik.

Kata kunci: Usahasama Islamik *Mudharabah-Wakalah*, Projek FLP-GAPS, kemiskinan tegar, usahawan LAT, akuaponik, komuniti luar bandar.

1. Pengenalan

Negeri Kelantan, Sabah, Sarawak dan Perak merupakan antara negeri yang merekodkan kadar kemiskinan paling tinggi di Malaysia (Sinar Harian, 2021). Bahkan, empat negeri itu juga merekodkan kadar kemiskinan tegar tertinggi berbanding negeri lain sebagaimana yang dikatakan oleh Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi), Datuk Eddin Syazlee Shith. Melihat kepada Rajah 1 di bawah, maka pembuktian Sabah sebagai negeri termiskin adalah sahih.

Rajah 1: Kadar Kemiskinan di Seluruh Negeri di Malaysia



Sumber: Liyana (2023)




Bertitik tolak daripada isu makro ini, *Special Interest Group-Team of Community Development Studies* (SIG-ToCoDeS) merupakan sekumpulan empat orang pensyarah mengambil inisiatif untuk mengeluarkan komuniti setempat daripada garis kemiskinan. Sebuah projek telah diinisiatifkan pada tahun 2020 dengan sebuah projek yang diberi nama *Freshwater lobster Production-Green Aquaponics Perennial System* (FLP-GAPS). Projek FLP-GAPS merupakan program yang dibiayai oleh Dana Pembangunan Usahawan Bumiputera (DPUB) Sabah, TERAJU bernilai RM3.5 juta. Projek ini diklasifikasikan sebagai berimpak tinggi selaras dengan aspirasi Hala Tuju Sabah Maju Jaya: Pelan Pembangunan 2021-2025, Wawasan Kemakmuran Bersama (WKB2030) dan *Sustainable Development Goals* (SDGs). Asas pelaksanaan adalah keusahawanan sosial berkelompok. Maka, ia juga menyahut cabaran untuk menjadikan Malaysia sebagai negara keusahawanan menjelang 2030 (Dasar Keusahawanan Nasional – DKN2030). Kumpulan sasar bagi projek ini adalah dalam kalangan Bumiputera B40 yang terdiri daripada pesara, graduan, alumni, ibu tunggal dan penganggur serta yang telah hilang pekerjaan sewaktu pandemik. Objektif Utama Projek FLP-GAPS:

- a. Bantu kerajaan bangunkan sosio-ekonomi komuniti melalui projek berimpak tinggi dan gerakan koperasi.
- b. Bantu komuniti dapatkan pekerjaan, tingkatkan pendapatan, dapat latihan dan bimbingan berterusan.
- c. Peluang Universiti turun padang pindahkan ilmu dan kepakaran kepada komuniti terpinggir/rentan/B40.
- d. Game changer iaitu menyediakan platform yang mampu mengubah pemikiran, persepsi, potensi, bakat, kemahiran dan kekuatan yang ada melalui pendidikan secara tidak formal dan secara hands-on.
- e. Manfaatkan sumber tersedia seperti tanah terbiar yang boleh dibangunkan untuk manfaat pemilik dan juga penduduk sekitar.
- f. Membina rantaian pengeluaran bagi industri Lobster Air Tawar (LAT) di Sabah mengurangkan krisis makanan dengan penternakan LAT berdasarkan akuaponik (2 dalam 1) secara ekonomikal menggunakan teknologi hijau.

Lokasi projek di kawasan kampung/sub-bandar di enam kawasan atau *workstation* iaitu Kg. Shabandar, Kg. Kayu Madang, Kg. Ratau, Kg. Bantayan, Kg. Muhibbah dan Kg. Duvanson (Rujuk Rajah 2).

Rajah 2: Enam Kawasaan Pusat Hatcheri/Pusat Operasi Pemprosesan & Pengkomersialan LAT



Sumber: Wikipedia (n.d.)

Bagaimana Projek FLP-GAPS ini dilaksanakan adalah dengan mengangkat konsep Usahasama Islamik *Mudarabah-Wakalah* (UIMW) sebagai asas pelaksanaan projek komuniti ini. Justeru pemakaian UIMW ini menyaksikan pembahagian untung bersih yang dikongsi dalam nisbah 70:20:10 (Peserta:SPV:Tuan Tanah). Tuan tanah tidak akan mengenakan sewaan tanah kepada pelaksana iaitu ahli-ahli SIG-ToCoDeS (menjadi pelaksana bagi pihak UiTM – Universiti Teknologi MARA Cawangan Sabah) di atas penggunaan tanah mereka yang didirikan hatcheri lobster air tawar (LAT) bagi diusahakan secara komersial. Manakala, lima orang peserta bagi setiap enam kampung iaitu total 30 orang telah dipilih berdasarkan e-Kasih (daftar sebagai golongan miskin). Mereka mengusahakan hatcheri ternakan LAT secara berkelompok.



2. Mudarabah dan Syarat Pelaksanaan

Salah satu cara yang diberikan ajaran Islam untuk mengembangkan harta iaitu menerusi akad/kontrak *mudarabah* (*partnership*), di mana kontrak ini diharuskan kerana keperluan individu terhadap pelaksanaannya. Akad *mudarabah* merupakan suatu cara mengurus perniagaan di mana salah satu pihak yang berkontrak (pemberi dana – *Rabbul Mal*) menyalurkan modal kepada pihak yang terlibat dalam perniagaan/perusahaan sosial (peserta FLP-GAPS) atau usahawan, supaya diperguna sehingga ia boleh mendatangkan keuntungan yang akan dibahagikan kepada kedua pihak yang berkontrak, sesuai dengan persetujuan bersama (*profit sharing*). Biasanya mereka ini akan dipanggil sebagai rakan kongsi. Antara manfaat yang boleh diperolehi hasil daripada pelaksanaan konsep peniagaan secara *mudarabah* adalah memberikan kesempatan kepada usahawan yang tidak memiliki bekalan modal untuk menjalankan aktiviti perniagaan, maka dengan adanya akad *mudarabah* ia boleh mendapatkan modal daripada pihak yang memiliki lebihan dana (*surplus*). Kaedah *mudarabah* yang digunakan dalam mengurus perniagaan juga dapat mengatasi masalah kebekuan aset awam atau individu di tangan pemilik/pemegang dana. Justeru, pengaplikasian konsep *mudarabah* dalam peniagaan dapat mengelakkan perbuatan yang dilarang oleh agama Islam iaitu pembekuan aset.

Menurut penulisan dalam tesis Sarjana oleh Taufiq (2014), syarat-syarat yang terdapat dalam rukun *mudarabah* tidaklah semuanya disepakati oleh para fuqaha empat mazhab, kerana di dalamnya masih terdapat beberapa perkara yang diperdebatkan. Antara syarat yang termaktub:

a. Akad (*Sighah*)

Terdapat perbezaan pandangan di antara para fuqaha dalam beberapa hal yang berkaitan dengan syarat *sighah*, antaranya, akad atau *sighah* pada *mudarabah* secara bertempoh (*muaqqatah*). Menurut mazhab Hanafi dan Hanbali hukumnya harus, mereka menganalogikan *mudarabah* dengan *wakalah muaqqatah*, di mana wakil mesti berhenti dari tugas yang diamanahkan kepadanya setelah tamat tempoh, ini juga berlaku bagi seorang *mudarib*. Tetapi mazhab Maliki dan Shafie tidak membenarkannya, kerana akad *mudarabah* termasuk kategori *al-'uqud al-jā'izah* yakni akan terbatal disebabkan adanya pensyarat tempoh masa, sebagaimana yang berlaku pada akad syarikat. Walaupun terdapat perbezaan pandangan berkaitan akad *mudarabah* secara bertempoh majoriti fuqaha Sunni (Ahli Sunnah) selain daripada mazhab Hanbali mengakui bahawa *mudarabah* adalah suatu kelonggaran yang disyariatkan kerana keperluan manusia kepadanya.

b. Pemilik Modal (*Rabbul Mal*)

Dalam memberikan syarat kepada pihak yang boleh menjadi *rabbul mal*, sebahagian fuqaha merujuk pensyaratannya kepada perbaasan *al-muwakkil* pada bab *al-wakalah* (*agency*). Oleh itu, apa yang disyaratkan kepada *al-muwakkil* berlaku juga bagi *rabbul mal*. Al-Sharbini dalam kalangan fuqaha bermazhab Shafie berpendapat bahawa kanak-kanak tidaklah dibenarkan untuk melakukan akad *mudarabah* dengan hartanya kerana mereka tidak berkeahlilan untuk melantik wakil. Manakala al-Kasani seorang ahli fiqh bermazhab Hanafi berpendapat bahawa kanak-kanak yang belum baligh tapi berakal, sah baginya melakukan akad *mudarabah* dengan hartanya. Ini kerana menurut mazhab Hanafi menjadi baligh bukanlah syarat sah daripada *wakalah*. Pun begitu, bagi Projek FLP-GAPS pula hanya memperakukan mereka yang telah melepas umur 18 tahun dan berfikiran waras.

c. Usahawan (*Mudarib*)

Para fuqaha bermazhab Shafie tidak membenarkan kanak-kanak menjadi seorang *mudarib*, kerana mereka tiada keupayaan untuk menjadi seorang wakil. Manakala, Mazhab Hanafi mengharuskan kanak-kanak yang belum baligh tapi berakal untuk melakukan kontrak *mudarabah*. Ini kerana menurut mazhab Hanafi, menjadi baligh bukanlah syarat sah wakil. Dalam memberikan syarat kepada pihak yang boleh menjadi *mudarib*, sebahagian fuqaha merujuk pensyaratannya kepada perbaasan *al-wakil* pada bab *al-wakalah*. Oleh itu, apa yang disyaratkan kepada *al-wakil* berlaku juga kepada *mudarib*. Bagi FLP-GAPS, seseorang harus dewasa (18 tahun ke atas) dan berakal jika terlibat di dalam kontrak ini.

d. Modal (*Rasul Mal*)

Para fuqaha berselisih mengenai keharusan modal *mudarabah* berupa wang tunai, di mana majoriti fuqaha terdahulu tidak membenarkannya. Manakala Ibn al-Qasim al-Maliki mendokong bahawa modal *mudarabah* berupa wang tunai hukumnya harus tapi makruh. Sedangkan mengikut pendapat yang dipilih oleh al-Allamah Ibn Abdus al-Hanbali dan dikuatkan lagi oleh Ashhab al-Maliki serta pendapat Muhammad bin al-Hasan bersama pendapat majoriti fuqaha semasa bahawa modal *mudarabah* berupa wang semasa hukumnya harus secara mutlak. Justeru dalam projek FLP-GAPS, maka wang tunai adalah modal yang diterima pakai dalam melaksana *mudarabah* dan saluran wang hanya akan diperuntukkan setelah setiap fasa selesai.



e. Perkhidmatan (*Amal*)

Sebahagian fuqaha mensyaratkan bahawa tempoh masa perkhidmatan adalah tiada had tempoh. Sebagai contoh, ditetapkan setahun pelaksanaan kerana adanya kemungkinan tidak tercapainya sasaran/KPI (*key performance indicator*) daripada usahasama/perkongsian seperti perolehan keuntungan. Syarat ini hanya terdapat dalam mazhab Maliki dan Shafie. Al-Imam al-Nawawi menegaskan bahawasanya satu bentuk usahasama tidak boleh dibatasi dengan ketetapan tertentu. Ia didokong dengan pendapat mazhab Shafie dan Maliki. Manakala mazhab Hanafi membenarkan batasan kerja dengan ketetapan tertentu. Fuqaha Shafie mensyaratkan bahawa kegiatan yang boleh dilakukan dengan modal *mudarabah* terbatas kepada aktiviti perniagaan sahaja. Namun, al-Imam Malik mengharuskan *mudarabah* dalam bidang perniagaan dan pertanian, bahkan Muhammad bin al-Hasan daripada mazhab Hanafi dan riwayat daripada al-Imam Ahmad mengharuskan *mudarabah* dilakukan dalam pelbagai bidang ekonomi meliputi bidang perniagaan, pertanian dan pembuatan produk. Majoriti fuqaha telah mensyaratkan supaya segala bentuk usaha hanyalah dilakukan oleh *mudarib* tanpa disertai pemilik modal. Seperti juga Projek FLP-GAPS, pemberi modal iaitu pihak TERAJU sebuah agensi di bawah kerajaan tidak terlibat di dalam pelaksanaan projek berkaitan malahan walau ditetapkan tempoh pelaksanaan tetapi ianya masih tertakluk kepada perubahan.

3. Wakalah dan Pelaksanaannya

Mohd Noor (2013) di dalam penulisan tesis Sarjanya menyatakan bahawa *wakalah* merupakan salah satu daripada konsep yang popular dalam aplikasi muamalat. *Wakalah* berasal daripada perkataan wakil. Ianya juga membawa maksud seseorang melantik pihak kedua untuk melaksanakan bagi dirinya sesuatu urusan. *Wakalah* boleh melibatkan urusan pengendalian harta, pembahagian harta pusaka, ejen jual beli dan ejen perniagaan. Pelbagai definisi yang telah diberikan oleh ulama, antaranya *wakalah* dengan maksud penyerahan sesuatu pekerjaan yang mampu dilaksanakan sendiri dan boleh diwakilkan kepada orang lain dengan akad untuk dilaksanakan dalam tempoh masa tertentu. Menurut T.M Hashbi Ash-Shiddieqy *wakalah* merupakan satu akad penyerahan kekuasaan seseorang melantik orang lain sebagai penggantinya dalam sesuatu tindakan. Menurut ulama Maliki, Syafie dan Hanbali, *wakalah* adalah tindakan seseorang mewakilkan orang lain perkara-perkara yang boleh dilakukannya yang terdiri daripada perkara yang boleh diwakilkan semasa hayatnya. Tindakan itu tidak dikaitkan dengan pemberian kuasa setelah mati, kerana jika dikaitkan dengan tindakan setelah mati bererti sudah berbentuk wasiat. *Wakalah* menurut ulama Hanafi pula menyerahkan tugas kepada orang lain untuk melakukan sesuatu perkerjaan yang diharuskan syarak atau sebagai mewakilkan seseorang untuk menyerahkan dan menjaga sesuatu perkara kepada seseorang yang dipanggil wakil. Ia merangkumi segala urusan harta dalam bentuk jual beli atau perkara-perkara yang boleh diwakilkan. Pelantikan wakil juga harus untuk diberikan upah ataupun tidak berdasarkan kepada persetujuan antara kedua-dua pihak. Huraian setiap satu rukun adalah seperti berikut:

a. Pewakil (*al-muwakkil*)

Pewakil merupakan pihak yang meminta bantuan pihak kedua yang dipanggil wakil untuk melakukan kerja atau tugas bagi pihaknya. Pewakil tersebut mestilah merupakan pemilik atau penjaga atau seorang yang dibenarkan menguruskan perkara yang ingin diwakilkan. Ini bermaksud tidak sah perwakilan sekiranya perkara yang diwakilkan itu bukan hak milik pewakil atau perkara yang tidak dibenarkan kepadaanya untuk mengurus. Pewakil adalah disyaratkan orang yang berhak dan berkelayakan untuk mengendalikan harta yang hendak diwakilkan. Oleh itu, tidak sah sekiranya pewakil itu merupakan seorang yang gila atau kanak-kanak yang belum *mumayyiz*. Bagi ulama Syafie, Maliki dan Hanbali mereka tidak menerima perwakilan yang dilakukan oleh seorang kanak-kanak kerana ia sendiri tidak berupaya dan berkelayakan untuk mengendalikan pekerjaan tersebut.

b. Wakil (*al-muwakkil*)

Wakil ialah pihak yang menjalankan sesuatu pekerjaan bagi pihak yang lain dengan kebenaran pihak atau pewakil tersebut. Wakil diberi kuasa untuk menjalankan apa sahaja perkara yang telah diwakilkan selagi tidak bertentangan dengan syarak dan tidak melanggar syarat semasa akad *wakalah* dilakukan. Selain itu, wakil mestilah seorang yang bersifat telus, adil dan amanah apabila melaksanakan sesuatu urusan perwakilan. Perjanjian *wakalah* ini akan terbatal sekiranya wakil melanggar syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh pewakil. Wakil yang hendak dilantik mestilah seorang yang berakal. Ulama Syafie, Maliki dan Hanbali berpendapat bahawa tidak sah melantik seorang wakil dalam kalangan kanak-kanak kerana ianya tidak dipertanggungjawabkan dengan hukum-hukum syarak. Sebaliknya pendapat daripada Ulama Hanafi. Bagi kanak-kanak yang belum *mumayyiz* dan orang gila para ulama mengatakan mereka ini tidak boleh dilantik menjadi wakil atas alasan ketidakmatangan dan ketidakupayaan mereka.

c. Urusan yang diwakilkan (*al-muwakkil fih*)

Urusan yang diwakilkan ini ialah sesuatu kerja/amanah yang telah diberikan oleh pewakil kepada wakil untuk dilaksanakan dan bergantung kepada syarat-syarat yang telah dipersetujui bersama. Antara syarat bagi perkara yang



diwakilkan ialah a. Seseorang wakil mestilah diberikan hak untuk menguruskan urusan yang diwakili tersebut semasa akad berlaku; b. Perkara yang diwakilkan mestilah jelas daripada sebarang keraguan di samping tidak melanggar batas yang telah disyariatkan oleh Islam; c. Urusan yang hendak diwakilkan mestilah perkara-perkara yang boleh diwakilkan kerana perwakilan tidak sah kepada urusan yang tidak boleh diwakilkan – sesuatu yang haram berunsurkan *riba* (mengenakan faedah), *gharar* (ketidakpastian) mahupun *maysir* (perjudian). Pun begitu, al-Nawawi menggariskan bahawa syarat penting adalah perkara-perkara yang hendak diwakilkan itu mestilah diketahui oleh wakil. Hal ini kerana sekiranya perkara yang hendak diwakilkan itu tidak diketahui oleh wakil dikhawatir akan berlaku penipuan/konspirasi yang boleh menyebabkan implikasi yang tidak diingini.


d. Akad (*sighah*)

Lafaz kontrak merupakan ikrar atau akujanji semasa memberi atau menyerahkan kuasa daripada suatu pihak kepada pihak yang lain. Ulama Hanafi membahagikan rukun *wakalah* kepada dua bahagian sahaja iaitu ijab dan qabul dan tanpa ijab dan qabul kontrak *wakalah* dianggap tidak sah. Ijab lebih kepada penawaran terhadap sesuatu, manakala qabul adalah penerimaan terhadap sesuatu. Penerimaan ijab boleh dibuat dalam bentuk isyarat atau pemahaman dan tidak dihadkan hanya kepada bentuk lisan sahaja. Selain itu, pewakil mestilah mengeluarkan lafaz yang menunjukkan bahawa dia bersetuju dengan kontrak perwakilan tersebut. Hal ini kerana menguruskan hak orang lain tanpa izin atau persetujuan adalah dilarang.

5. Model Usahasama Islamik Mudarabah-Wakalah (UIMW)

Sub bab ini mengambil kirauraian terhadap *mudarabah* dan *wakalah* sebelum ini yang memaparkan syarat-syarat penting bagi pelaksanaan kedua-duanya agar ia mematuhi keperluan syariat Islam. Ketetapan bahwasannya projek FLP-GAPS terhindar daripada beberapa perkara asas di dalam pelaksanaannya adalah terpakai antaranya mengikut shariah (al-quran, hadis, *ijma'* dan *qiyyas*), terhindar daripada *riba*, *gharar* dan *maysir* serta tidak terlibat di dalam segala bentuk urusan perniagaan yang berpaksikan aktiviti yang haram seperti jual beli alkohol, senjata api, tembakau, maksiat dan dadah. Ia juga termasuk aktiviti menjual organ dan memperdagangkan manusia. Seandainya salah satu berlaku, maka usahasama atau perniagaan yang dilakukan terbatal secara sendirinya dan usahasama UIMW tergugur secara sendirinya.

Rajah 3: Usahasama Islamik Mudarabah-Wakalah (UIMW) bagi Projek FLP-GAPS



Sumber: Laporan Akhir TERAJU (SIG-ToCoDeS, 2022)



Berdasarkan Rajah 3 di atas, Projek FLP-GAPS mengaplikasikan perkongsian/usahasama Islamik berkonsepkan *mudarabah* dan *wakalah*. Syarat-syarat yang termaktub di dalam konsep ini ialah penyedia/pemberi dana (*rabbul mal*) – pihak TERAJU yang memperuntukkan RM3.5 juta kepada projek yang berkaitan. Manakala syarat kedua ialah pihak universiti selaku *muwakkil* iaitu pihak yang menjadi wakil kepada penyedia dana bagi melaksanakan projek berdasarkan kepakaran yang dimiliki. Secara spesifiknya SIG-ToCoDeS menjadi wakil kepada universiti bagi melaksanakan UIMW. Syarat ketiga iaitu *mudarib* selaku pihak yang disalurkan dana dan dalam Projek FLP-GAPS, ia merujuk kepada tuan tanah dan para peserta atau bakal usahawan LAT bagi memastikan projek ini berjaya untuk dilaksanakan dan mencapai objektif yang telah disenaraikan sebelum ini. FLP-GAPS dianggap UIMW dan dibayangi SPV (*Special Purpose Vehicle*) di bawah kendalian koperasi yang ditubuhkan dalam kalangan *mudarib* agar kelangsungan projek dapat dilaksanakan. Antara jenis-jenis kerja atau *muwakkil fih* bagi projek berkaitan adalah kerja-kerja pelaksanaan (fasa 1), melakukan jalinan dan kolaborasi dengan pemegang taruh (fasa 2), bagi fasa seterusnya pula muwakkil akan mengenal pasti lokasi, peserta, keperluan utiliti/infrastruktur/infostruktur dan potensi projek yang dilaksanakan (fasa 3), pada fasa pembangunan projek pula kawalan dari segi bajet/pemilihan kontraktor pembinaan/pemasangan/penyelenggaraan dan pemantauan berkala serta permasalahan di lapangan ditangani oleh *muwakkil* (fasa 4) dan yang terakhir kerja-kerja berkaitan campuran pemasaran/penjualan/pengkomersialan dilakukan bagi memastikan kemenjadian projek (fasa 5). Akad ditandatangani sebelum segala proses dilakukan di antara pihak-pihak yang berkepentingan di antara TERAJU dan UiTM. Projek meliputi 2 tahun pengimplementasian dan 3 tahun pemantauan projek. Dalam tempoh berkaitan, proses tuaian LAT berlaku sebanyak 3 pusingan dan hasil keuntungan bersih dibahagi mengikut kadar atau nisbah yang dipersetujui iaitu 70:20:10 di antara peserta-SPV/muwakkil-tuan tanah. Untuk tuan tanah, syer keuntungan diberikan bagi menggantikan sewaan tanah yang tidak dikenakan bagi projek FLP-GAPS. Sasaran pendapatan bagi peserta dianggarkan melebihi paras kemiskinan tegar RM1,198 iaitu sekurang-kurangnya RM1,200 sebulan.

6. Kesimpulan

Bagi menjawab objektif membasmi kemiskinan dalam kalangan peserta Projek FLP-GAPS, taburan paras pendapatan boleh dilihat di Rajah 4 di bawah. Sebanyak 1.58 juta isi rumah berada di kumpulan T20 dengan pendapatan melebihi RM11,820 memiliki 46.3 peratus dari agihan keseluruhan pendapatan isi rumah, menurun daripada 46.8 peratus pada 2019. Sementara itu, kumpulan M40 memiliki 37.6 peratus manakala B40 pula hanya menguasai 16.1 peratus daripada jumlah pendapatan, meningkat sedikit daripada 16.0 peratus pada 2019. Insiden kemiskinan mutlak mencatat kemerosotan kepada 6.2 peratus tahun lalu, berbanding 8.2 peratus pada 2021 dan 8.4 peratus ketika pandemik Covid-19 melanda pada 2020. Bilangan isi rumah miskin tegar yang berpendapatan di bawah RM1,198 menurun kepada 0.2 peratus (18,445 isi rumah) berbanding 0.4 peratus pada 2019. Insiden kemiskinan mutlak pada 2022 membabitkan anggaran 487,576 isi rumah. Insiden kemiskinan di bandar meningkat daripada 3.9 peratus pada tahun 2019 kepada 4.5 peratus pada tahun 2022, manakala bagi kawasan di luar bandar pula mencatatkan penurunan daripada 12.4 peratus kepada 12.0 peratus pada tempoh yang sama. Justeru, Projek FLP-GAPS yang dilaksanakan telah mensasarkan paras lantai pendapatan yang mampu diagihkan sejumlah RM1,200 sebulan bagi peserta projek.

Rajah 4: Kumpulan Pendapatan T20, M40 dan B40 (2019 dan 2022)



Sumber: Badra (2023)



Projek FLP-GAPS juga telah memenuhi empat tuntutan perancangan jangka panjang negeri, negara dan antarabangsa dalam menjadikan projek ini relevan iaitu untuk SMJ 2021-2025, WKB 2030, DKN 2030 dan SDG 2030 (Rujuk Rajah 5 – Rajah 8).

Rajah 5: Prinsip, Objektif, Elemen dan Pembolehdaya Pelan Pembangunan Sabah Maju Jaya 1.0 (2021-2025)



Sumber: Jabatan Perkhidmatan Awam Negeri Sabah (2021)

Rajah 6: Tujuh Teras Strategik Wawasan Kemakmuran Bersama



Sumber: Kementerian Hal Ehwal Ekonomi Malaysia (2019)

Nota:

- Bagi Rajah 5, ia menyaksikan Projek FLP-GAPS mencapai prinsip kekuatan dan semangat kerjasama, keberanian peserta dan keyakinan. Dari segi objektif, FLP-GAPS meningkatkan ekonomi rakyat dan membangunkan modal insan memalui pemindahan ilmu serta kemahiran/latihan yang disalurkan, modal insan dan kesejahteraan rakyat serta



jaringan. Elemen SMJ yang berkaitan dengan FLP-GAPS adalah memfokus bidang utama/prima iaitu penternakan akuakultur, modal insan dan kesejahteraan rakyat serta Pembangunan infrastruktur dan kelestarian hijau.

- b. Sementara untuk Rajah 6 iaitu WKB2030, 4 daripada 7 objektif dicapai oleh Projek FLP-GAPS iaitu ekosistem industri LAT – termasuk saluran agihan (supply chain), modal insan, pasaran buruh yakni penyediaan peluang pekerjaan/menjadi usahawan LAT dan kesejahteraan sosial dari aspek peningkatan taraf hidup peserta (30 orang) dan pekerja (7 orang iaitu seorang Pengurus dan 6 penyelia bagi setiap kawasan).

Rajah 7: Definisi, Objektif dan 6 Teras Strategik Dasar Keusahawanan Sosial 2030



Sumber: Kementerian Pembangunan Usahawan (2019)

Rajah 8: 17 Matlamat Pembangunan Lestari 2030



Sumber: United Nations Development Programme (2022)

**Nota:**

- a. Rajah 7 merupakan Dasar Keusahawanan Nasional 2030 di mana FLP-GAPS juga ke arah DKN2030 ini dari aspek objektif iaitu mewujudkan ekosistem keusahawanan yang berasaskan LAT dengan pembinaan 6 hatcheri termasuk Pusat Operasi Pemprosesan dan Pengkomersialan, membentuk komuniti keusahawanan dalam kalangan penduduk setempat, meningkatkan bilangan usahawan pengusaha penternakan LAT di Sabah khususnya, meningkatkan bilangan usahawan yang berkualiti/berdaya maju/berdaya tahan/berfikiran global dan kompetitif, mempertingkatkan keupayaan usahawan tempat dalam kalangan B40 dan industri kecil dan sederhana dan nebjadikan usahawan kerjaya pilihan. Bagi 6 teras strategik, Projek FLP-GAPS telah menyasarkan keenam-enam teras bagi memacu DKN2030.
- b. Rajah 8, Matlamat Pembangunan Lestari (SDG2030) pula menyaksikan 17 matlamat dalam mengatasi masalah global di seluruh dunia. FLP-GAPS menyasarkan SDG1 – tiada kemiskinan, SDG8 – pekerjaan memuaskan dan pertumbuhan ekonomi isi rumah, SDG11 – komuniti dan bandar lestari, SDG14 – kehidupan di dalam air iaitu LAT dan SDG17 – perkongsian untuk matlamat berdasarkan usahasama secara berkelompok.

Penghargaan: Kumpulan penulis yang tersiri daripada ahli-ahli SIG-ToCoDeS ingin menyatakan penghargaan kepada pihak TERAJU di atas sumbangan dana dari Dana Pembangunan Usahawan Bumiputera (DPUB) bagi membolehkan kertas kerja ini ditulis, dibentang dan diterbitkan di Konferensi Antarabangsa Islam Borneo (KAIB14) di Samarinda, Kalimantan Timur, Indonesia.

Rujukan

- Badra (2023). *Maksud B40, M40, T20, Miskin Tegar – Kategori Pendapatan Terkini*. <https://ecentral.my/maksud-miskin-tegar-b40-m40-t20/>
- Jabatan Perkhidmatan Awam Negeri Sabah (JPANS) (2021) Ringkasan Eksekutif Hala Tuju Sabah Maju Jaya: Pelan Pembangunan Sabah Maju Jaya 1.0 (2021-2025). Jabatan Cetak Kerajaan Sabah
- Kementerian Hal Ehwal Ekonomi Malaysia (2019) *Shared Prosperity Vision 2030*. Attin Press Sdn. Bhd., Selangor
- Kementerian Pembangunan Keusahawanan (2019). *Dasar Keusahawanan Nasional 2030: Malaysia Negara Keusahawanan Unggul 2030*. Kementerian Pembangunan Keusahawanan, Putrajaya
- Liyana (2023). *Malaysia Sasar Turunkan Kadar Kemiskinan Luar Bandar, Bawah 10% – Menjelang 2024*. <https://rnggt.com/202331444/>
- Mohd Noor, M.S. (2013). *Prinsip Al-Wakalah dalam Al-Kutub Ai-Sittah dan Aplikasinya dalam Industri Takaful Di Malaysia*. Mohd Syukri bin Mohd Noor. Masters thesis, University of Malaya
- SIG-ToCoDeS (2021) *Freshwater Lobster Production-Green Aquaponics Perennial System (FLP-GAPS): 2020 Progress Report*. Universiti Teknologi MARA, Sabah
- SIG-ToCoDeS (2022). *Laporan Akhir TERAJU*. Universiti Teknologi MARA, Sabah
- Sinar Harian (2021). *Empat Negeri Rekod Kadar Kemiskinan Tegar Paling Tinggi*. <https://www.sinarharian.com.my/article/175471/berita/nasional/empat-negeri-rekod-kadar-kemiskinan-tegar-paling-tinggi>
- Taufiq, K. (2014). *Aplikasi Akad Mudarabah Dalam Produk Tabungan Haji Dan Umroh (Taharoh) Di Bank Pembiayaan Rakyat Syariah Harta Insan Karimah. (Bprs Hik) Bekasi, Indonesia / Taufiq Kurniawan*. Masters thesis, Universiti Malaya
- United Nations Development Programme (UNDP). (2022). *What Are The Sustainable Development Goals?* <https://Bit.Ly/3FT5uV5>



Wikipedia (n.d.) Greater Kota Kinabalu. https://en.wikipedia.org/wiki/Greater_kota_kinabalu